

Konsep Bangsa Malaysia wajar julang ketuanan Melayu

BH-11/11/2006



Menjelang
Perhimpunan
Agung Umno

13 - 17 November 2006

Oleh Jamhariah Jaafar

KAMUS *Bahasa Melayu Nusantara* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan perkataan bangsa dengan dua pengertian iaitu 'kesatuan orang atau kumpulan manusia yang bersamaan asal keturunan, adat, bahasa dan sejarah' dan ia juga didefinisikan 'kumpulan manusia yang menjadi rakyat sesebuah negara dalam satu ikatan ketatanegaraan dan pemerintahan sendiri'.

Perdebatan berlaku sejak Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, menutup Konvensyen Umno Johor pada 6 November lalu, kini semakin hebat dan masing-masing mempunyai pendapat sendiri sama ada kajian mendalam, pengetahuan cetek atau ada agenda peribadi.

Apa pun, perdebatan berlaku ada baik kerana sudah tiba masanya rakyat Malaysia, daripada bangsa Melayu yang menjadi paksi ketuanan sejak zaman berzaman di tanah Melayu ini mahupun kaum Cina, India, Punjabi atau pelbagai bangsa Malaysia lain, walaupun asalnya golongan mendatang tetapi sudah memiliki generasi yang menjadi warga sejati negara tercinta ini.

Mengenai takrifan 'bangsa', lazimnya disebut 'race' dalam bahasa Inggeris. Pengertian mudah mengikut pemikiran ini sudah pasti terarah kepada kaum etnik baik Melayu, Cina, India, Punjabi atau apa saja yang mempunyai adat, budaya dan gaya hidup tersendiri.

Jika melihat isu dibangkitkan Menteri Besar Johor ini, beliau menterjemahkan:

Pertama: Bangsa bermaksud ras atau kumpulan etnik iaitu etnik Melayu, Cina, India, Sikh dan kaum lain;

Kedua: Bangsa bermaksud negara bangsa iaitu terjemahan daripada bahasa Inggeris 'nation-state', satu prinsip kenegaraan. Istilah 'nation-state' ini diterjemahkan sebagai 'nasion' di Indonesia bagi membezakannya daripada makna sebenar bangsa iaitu ras atau etnik.

Justeru, menjadi perdebatan warga Malaysia hari ini ialah jika kita mengikut definisi kedua kamus ter-

babit dan yang dibawa Abdul Ghani iaitu 'kesatuan orang atau kumpulan manusia menjadi rakyat sesebuah negara dalam satu ikatan ketatanegaraan dan pemerintahan sendiri' atau mengikut Menteri Besar itu membabitkan negara bangsa membabitkan prinsip kenegaraan.

Amat mengharukan apabila pemimpin pelbagai parti dan pertubuhan mengambil pendirian untuk mewujudkan sebuah Bangsa Malaysia atau dalam pengertian biasa bahasa Inggeris 'Malaysian Race' yang mungkin satu hari nanti mengikis keunikan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa Melayu, Cina, India, Punjabi dan pelbagai bangsa lain.

Mengambil pendirian Menteri Kesihatan yang juga Naib Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek, menegaskan: "Kita tidak patut bercakap mengenai Bangsa Malaysia... kita patut bercakap kita rakyat Malaysia. Ada perbezaan yang nyata antara bangsa dan menjadi warga Malaysia. Fakta bahawa saya bangsa Cina dan mengamalkan budaya Cina dan bercakap dalam bahasa ibunda, tidak membuatkan saya lebih kurang sebagai warga Malaysia atau lebih kurang patriotik. Hanya kerana saya bercakap bahasa Inggeris juga, tidak bermakna saya juga bukan warga Malaysia tidak baik."

Bangsa Malaysia yang digariskan ketika negara ini melancarkan projek Wawasan 2020 adalah berteraskan kepada usaha mewujudkan satu negara memiliki masyarakat liberal dan bertolak ansur, tapi pada masa sama setiap rakyat Malaysia bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa sama, meletakkan kesetiaan kepada satu negara.

Asas ini teras kelima termaktub dalam sembilan objektif yang perlu dihadapi sekiranya rakyat Malaysia ingin mencapai sepenuhnya status negara maju menjelang 2020.

Teras lain dalam usaha menuju ke arah status negara maju ini turut membabitkan kekuatan rakyat Malaysia untuk menyetepikan perbezaan kaum yang boleh mencetus suasana tidak diinginkan, di samping perlu mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

Secara umumnya konsep Bangsa Malaysia merujuk kepada kerjasama, perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini, ia tidak berasaskan kepada satu takrifan sama. Malah, melihatnya semua di-

tinjau pendapat cuba menghujah istilah 'Bangsa Malaysia' berasaskan takrifan sendiri.

Masalah ini mesti diperbetulkan supaya tidak berlaku salah faham, salah guna konsep dan akhirnya boleh membawa kepada ketidakstabilan. Ia kerana generasi memperkalkan istilah Bangsa Malaysia hari ini, mestilah bertanggungjawab dalam memastikan konsep diwarisi generasi terkemudian, tidak kabur, mengelirukan dan bercelaru.

Apabila diteliti Perlembagaan Negara, jelas tiada istilah bangsa Malaysia dan takrifan yang ada ialah 'Orang Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak serta kaum lain'. Malah, perlembagaan meletakkan segala dasar di negara ini yang kebangsaan sifatnya, hendaklah berindukkan Melayu. Itulah yang ada pada dasar seperti Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru.

Kerana itu, berasaskan kepada maksud bangsa atau lebih wajar menggunakan perkataan Inggeris 'nation-state' dan berpaksikan kepada kandungan Perlembagaan Negara, mesti dibaca secara menyeluruh bukan memetik satu bahagian saja.

Menteri Besar Johor amat jelas ketika menyarankan supaya istilah Bangsa Malaysia, mestilah terhad kepada pengertian ia rakyat Malaysia yang terkandung di dalamnya beberapa kaum yang berindukkan bangsa Melayu.

'Keindukkan' bangsa Melayu ini selari dengan perkara lain yang menjadi pokok, dibangkitkan dalam Konvensyen Umno Johor dengan merujuk semuanya kepada Perlembagaan. Perkara itu jelas termaktub dalam Perlembagaan iaitu dari segi kedudukan bahasa Melayu, agama Islam dan hak keistimewaan Melayu.

Perdebatan mengenai Bangsa Malaysia ini sudah pasti bakal menjadi isu disentuh perwakilan ketika Perhimpunan Agung Umno yang bermula di ibu negara Selasa ini. Ahli Umno menjulang ketuanan Melayu dan perlu memastikan ia terus dijadikan sandaran mempertahankan hak Melayu, tidak perlu apologetik apabila menyuarakan isu ini.

Yang jelas, kalau istilah bangsa Malaysia mahu digunakan, ia mesti merujuk kepada rakyat Malaysia berbilang kaum, saling memahami, bekerjasama, serasi di antara satu sama lain; bukannya menjadi satu bangsa dengan semua kaum sama rata.